

INOVASI

KONVENSYEN KIK 2012



“Inovasi dan kreativiti adalah penanda aras baru global yang menuntut kepada keupayaan penciptaan yang bukan sahaja bersifat baru, unik dan bermanfaat, malahan mampu berfungsi sebagai pemangkin transformasi kepada kesejahteraan rakyat dan negara”

**YBhg Dato' Aminah Abdul Rahman,
Ketua Pengarah LPPKN**



KONVENSYEN KIK 2012

Pada tahun 2012, satu Bengkel KIK telah diadakan pada 18 Januari hingga 20 Januari 2012 di Hotel Ancasa, Kuala Lumpur. Bengkel ini bertujuan untuk membimbing para peserta yang terlibat dalam KIK dalam mengenal pasti isu dan kaedah-kaedah yang sesuai bagi penyelesaian masalah projek yang telah dipilih.

“Menganjak Inovasi, Memanfaatkan Komuniti” merupakan tema bagi Konvensyen KIK 2012 yang telah dianjurkan pada 4 Oktober 2012 dan disertai oleh 12 kumpulan yang terdiri daripada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan, Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Reproduksi Manusia dan Bahagian Perancangan Korporat. Manakala penyertaan dari negeri terdiri daripada LPPKN Kedah, Kelantan, Melaka, Perlis, Pulau Pinang, Sabah dan LPPKN Selangor.



Pemenang Konvensyen KIK 2012



Tempat Pertama: LPPKN Negeri Perlis
Nama Kumpulan: C'n'C (CARE 'n' ONCERN)
Tajuk Projek : Perkhidmatan Kaunseling LPPKN Perlis
Kurang Mendapat Sambutan Masyarakat



Tempat Kedua : LPPKN Negeri Sabah
Nama Kumpulan: D'Bayu
Tajuk Projek : Kesukaran Untuk
Memberikan Perkhidmatan
Kaunter Dengan Sistematis



Tempat Ketiga: LPPKN Negeri Kedah
Nama Kumpulan: C4
Tajuk Projek : Pengaksesan Mobile Street
Poll Oleh Pelanggan Tidak
Efektif

Apa Itu MS ISO

International organisation for standardization

MS ISO 9001:2008 adalah selaras dengan standard ISO 9000 dan diterima pakai oleh Jabatan Standard Malaysia.

Pelaksanaan standard MS ISO 9000 bertujuan

Untuk memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan yang memberi fokus kepada kehendak dan ekspektasi pelanggan. MS ISO 9000 adalah satu standard bertulis yang menetapkan dan menyenaraikan keperluan-keperluan asas yang perlu ada dalam Sistem Pengurusan Kualiti (SPK)

PRINSIP PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001:2008

Pembentukan standard di bawah MS ISO 9001:2008 adalah berasaskan kepada 8 prinsip pengurusan kualiti.

KE ARAH PERSIJILAN

MS ISO 9001: 2008

BAGI SKOP:

- ❖ **Pengurusan Penyelidikan Kekeluargaan LPPKN**
- ❖ **Pengendalian Perkhidmatan Kaunseling Kekeluargaan LPPKN**
- ❖ **Khidmat Nasihat dan Bekalan Kontraseptif Bagi Klinik Nur Sejahtera W.Persekutuan K.Lumpur, Shah Alam dan Johor Bahru**

8 Prinsip Pengurusan Kualiti

❖Tumpuan kepada pelanggan

SPK seharusnya dapat memenuhi kehendak pelanggan dan berupaya memacu agensi untuk menyampaikan perkhidmatan melebihi ekspektasi pelanggan.

❖Kepimpinan

Pengurusan atasan hendaklah merancang dan menentukan kualiti perkhidmatan agensi dan mengamalkan pengurusan strategik dalam menetapkan hala tuju agensi.

❖Penglibatan anggota agensi

Sumber terpenting agensi harus dilibatkan dalam usaha meningkatkan prestasi agensi melalui program pembangunan kompetensi dan penyediaan saluran komunikasi yang berkesan.

❖Pendekatan proses

Mengenal pasti input dan proses transformasi input-input berkenaan kepada *output*, *outcome* dan keberhasilan yang dikehendaki dan ditetapkan.

❖Pengurusan yang mengamalkan pendekatan sistem.

Mengenal pasti dan mengurus dengan berkesan proses-proses kerja dalam organisasi yang ada hubung kait antara satu sama lain bagi mencapai objektif agensi.

❖Penambahbaikan secara berterusan

Merancang dan menambah baik secara berterusan SPK berasaskan penganalisan pencapaian dasar dan objektif kualiti, penemuan audit, tindakan pembetulan dan pencegahan serta kajian semula pengurusan.

❖Pendekatan membuat keputusan berasaskan fakta

Membuat keputusan dengan tepat dan betul berkaitan SPK berasaskan penganalisan data dan maklumat.

❖Hubungan dengan pembekal untuk faedah bersama

Mewujudkan hubungan baik antara agensi dengan pembekal bagi mendatangkan kebaikan kepada kedua-dua pihak dalam mencapai objektif kualiti.

Pemenang Pertandingan Pengucapan Awam Tahun 2012

Tiga orang Pegawai LPPKN telah memenangi pertandingan Pengucapan Awam Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat pada tahun 2012 ialah:



➤ Tempat Pertama

➤ Encik Muhammad Farhan Abdul Karim

➤ Kategori : Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Bahasa Melayu)

➤ Tempat Kedua

➤ Puan Rosmonaliza Abd Ghani

➤ Kategori : Kumpulan Pengurusan Profesional (Bahasa Melayu)



Tempat Kedua

Encik Muhammad Idzuan Ariffin

Kategori : Kumpulan Pengurusan (Bahasa Inggeris)

Bengkel MPK LPPKN 2012

Peringkat Ibu Pejabat

- ❖ Bengkel MPK LPPKN 2012 Peringkat Ibu Pejabat telah diadakan pada 26 hingga 28 April 2012 di Corus Paradise Resort, Port Dickson, N. Sembilan dengan jumlah peserta seramai 42 orang



UNIT PEMBANGUNAN PELABURAN

Program CSR Bersama dengan Exxonmobil

Program dengan masyarakat Orang Asli telah diadakan pada 26 Mei 2012 di Sekolah Rendah Kebangsaan (A) Kg. Sg. Judah, Pulau Carie dari jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang. Majlis telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Dato' Hj. Nordin b. Hj. Selamat, Pengerusi NADI, DUN Sijangkang, Kuala Langat, Selangor.



UNIT PUSAT SUMBER

Karnival Ilmu 2012



Hari Karnival Ilmu 2012 telah diadakan pada 19 November 2012 di Dewan Besar Tingkat 22 Bangunan LPPKN dari jam 9.30 pagi hingga 5.00 petang dengan jumlah kehadiran sebanyak 150 orang



UNIT KUALITI & INOVASI

Program Amalan 5 S

Program Amalan 5S telah dilaksanakan di semua Zon di bangunan LPPKN. Penambahbaikan dari teguran audit telah dilaksanakan dari masa ke masa dengan kerjasama daripada semua zon. Bagi memberikan impak yang berkesan, usaha melaksanakan 5S di Ibu Pejabat LPPKN perlu diteruskan.

